



KENYATAAN MEDIA
EXCO PEMBANGUNAN WANITA DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
SELANGOR MEMBANTU MEMPERKUKUH KEPIMPINAN WANITA DI
PERINGKAT AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN DALAM SIRI
AKADEMI KEPIMPINAN WANITA EDISI KHAS

1. Kerajaan Negeri Selangor melalui Wanita Berdaya Selangor (WBS) buat julung kalinya menganjurkan Majlis Pelancaran Akademi Kepimpinan Wanita (AKW) Negeri Selangor khusus bagi Ahli-Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor untuk memperkukuh kemahiran kepimpinan serta melahirkan pemimpin wanita berkompentensi tinggi yang bersedia mengisi jawatan strategik di Selangor dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun akan datang.
2. Akademi Kepimpinan Wanita (AKW) Selangor merupakan inisiatif yang bertujuan untuk memperkukuh kemahiran kepimpinan serta melahirkan pemimpin wanita berkompentensi tinggi yang bersedia mengisi jawatan strategik di Selangor dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun akan datang.
3. Program ini menyasarkan penyertaan ahli-ahli majlis wanita daripada 12 PBT dan akan dilaksanakan melalui tiga (3) siri bengkel dalam tempoh dua bulan, merangkumi sesi latihan, perbincangan interaktif serta perkongsian bersama tokoh dan pakar berpengalaman dalam bidang kepimpinan dan tadbir urus.
 - a. Bengkel Siri Pertama memberi fokus kepada kemahiran komunikasi, keterampilan kepimpinan serta pemahaman fungsi dan peranan Ahli Majlis;
 - b. Bengkel Siri Kedua menumpukan kefahaman gender dan pelaksanaan belanjawan responsif gender; dan



- c. Bengkel Siri Ketiga memfokuskan aspek pentadbiran kerajaan tempatan bagi memperkukuh kefahaman terhadap struktur, proses dan mekanisme pentadbiran yang berkesan.
4. Penekanan khusus diberikan kepada pembangunan kapasiti dalam kepimpinan strategik, tadbir urus responsif gender, kefahaman proses pembuatan dasar, serta peranan Ahli Majlis dalam merancang dan melaksanakan pembangunan komuniti dan negeri yang inklusif dan mampan.
5. Akademi Kepimpinan Wanita (AKW) Edisi Khas Ahli Majlis ini dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Jabatan Pembangunan Wanita), Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), dan Majlis Perbandaran Sepang (MPSp).
6. Penganjuran ini bukti komitmen Kerajaan Negeri Selangor memperkasa kepimpinan wanita di setiap peringkat dan memperkukuh kompetensi wanita dalam pentadbiran, selaras dengan Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024-2026.

YB ANFAAL BINTI SAARI

24 Januari 2026